



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

INSKEN – TEKUN LATIH 200 USAHAWAN SABAH URUS DATA PELANGGAN

KOTA KINABALU, 22 September 2020 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensinya Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN) telah menganjurkan siri jelajah yang ketujuh bagi Program INSKEN Business Outreach (IBO) 2020 bertempat di Kota Kinabalu Sabah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Siri ketujuh ini merupakan seminar secara fizikal yang pertama anjuran INSKEN selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan ianya adalah kali kedua diadakan di negeri Sabah. Program ini merupakan hasil kolaborasi INSKEN bersama TEKUN Nasional dan telah dikenali sebagai INSKEN-TEKUN Business Outreach 2020.

INSKEN - TEKUN Business Outreach 2020 merupakan seminar satu (1) hari yang bertujuan untuk menyediakan dan mendedahkan usahawan kepada asas Industri Revolusi 4.0. Melalui tema “Strategi Lonjakkan Jualan Melalui Urus Data Pelanggan Menggunakan Platform Media Sosial”, usahawan akan didedahkan kepada kepentingan mengurus data pelanggan dan seterusnya mempersiapkan mereka kepada persiapan jualan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk merencanakan semula perniagaan.

200 usahawan TEKUN akan dilatih dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang melalui enam (6) modul yang telah dikenalpasti dapat membantu usahawan untuk mengurus data pelanggan iaitu:

- a) MyNEPT dan Ujian Psikometrik
- b) Penetapan Minda Usahawan
- c) Business Hack #1
- d) Jualan dan Data
- e) Business Hack #2: Strategi Urus Data
- f) Business Hack #3: Buatlah Duit Dengan Data
- g) Think Big Session

Sementara itu, INSKEN turut menyediakan khidmat rundingan bisnes dari BisKaunselor INSKEN untuk usahawan mendapatkan khidmat nasihat melalui BizClinic secara *one-on-one*. Secara keseluruhan, INSKEN telah melatih sebanyak 2445 usahawan melalui Siri Jelajah IBO yang telah diadakan sejak awal tahun 2020 di enam (6) negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang, Sarawak, Johor Bahru, Kedah dan Sabah.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad Bin Mentek, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC). Maklumat lanjut mengenai program anjuran Institut Keusahawanan Negara Berhad serta pendaftaran boleh diperolehi melalui laman web rasmi INSKEN di www.insken.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
22 SEPTEMBER 2020